

# Penubuhan Universiti Agropolitan tidak ideal

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Cadangan menubuhkan universiti pertanian baharu dilihat tidak perlu sebaliknya apa yang harus dilakukan adalah berterusan memajukan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk memperkasakan bidang pertanian berteknologi tinggi di negara ini.

Pendapat itu dinyatakan bekas Naib Canselor UPM, Datuk Ir. Dr. Mohd. Zohadie Bardiae (**gambar**) yang menegaskan UPM perlu memperkuatkannya bidang agrobioteknologi yang menjadi teras penubuhannya seperti pertanian, perhutanan dan veterinar.

"Penubuhan UPM sendiri mencer-



minkan hasrat kerajaan untuk memperkasakan pertanian berteknologi tinggi, justeru penubuhan universiti pertanian baharu bersifat berasingan adalah tidak ideal sama sekali," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam dalam sidang Dewan Negara, Timbalan Menteri Pertanian

dan Industri Asas Tani, Datuk Tajuddin Abdul Rahman menyatakan hasrat kerajaan menubuhkan Universiti Agropolitan yang menawarkan pengkhususan dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pengeleuaran makanan dalam negara.

Mengulas lanjut, Mohd. Zohadie

berkata, sejajar kepesatan teknologi tinggi, UPM tidak dapat lari menawarkan bidang kepakaran lain termasuk bioteknologi, sains dan perniagaan bagi menyokong peranannya.

"Sekarang ini mana ada universiti di dunia yang hanya memberi tumpuan kepada satu bidang, malah universiti pertanian terbaik di dunia seperti Universiti California Davis di Amerika Syarikat pun ada fakulti kejuruteraan, bioteknologi dan perniagaan.

"Pertanian sekarang bukan macam dulu (kerja dalam ladang), kita ke arah pertanian berteknologi tinggi dan jika negara mahu ketengahkan itu, kita harus lebih progresif dan berinovatif kerana teknologi tidak bergantung kepada satu kepakaran," katanya.